

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

8. Untuk menambahkan peluang pekerjaan mengikut taraf pendidikan masyarakat setempat, apakah usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri pernah menjalankan bancian tentang pengangguran anak muda di kampung?
 - (b) Adakah kajian telah dijalankan untuk kadar pendapatan harian atau bulanan di Negeri Pulau Pinang?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa usaha untuk menambahkan peluang pekerjaan mengikut taraf pendidikan masyarakat setempat di Pulau Pinang seperti berikut:
 - (i) Membantu anak muda dengan menjalankan pemandangan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan dari majikan melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*);
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang;

- (iii) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*); dan
 - (iv) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk ‘*startup*’ dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. @CAT berfungsi bagi mempercepatkan proses penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IoT).
- (a) Jabatan Perangkaan Malaysia pernah menjalankan bancian mengenai kadar pengangguran di Pulau Pinang secara keseluruhan yang berada pada kadar 2.2% pada tahun 2018 dan tidak memfokuskan kepada pengangguran anak muda di kampung. Kerajaan Negeri menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai rujukan.
 - (b) Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan bulanan di Negeri Pulau Pinang berada pada kadar RM2,811.00 sebulan dan purata pendapatan isi rumah di Pulau Pinang berada pada kadar RM6,771.00 sebulan.